


**BAB KETIGA**

**METODOLOGI**



## BAB III

### METODOLOGI

#### 1.1 PENDAHULUAN

Metodologi adalah bererti "ilmu tentang cara mengadakan penelitian".<sup>1</sup> Ia berasal dari bahasa Yunani yang disebut "Methodos" yang bererti "cara atau jalan"<sup>2</sup> dan "logos" yang bererti "ilmu". Jadi metodologi diertikan sebagai ilmu tentang cara, dengan kata lain metodologi juga bererti "pengetahuan tentang berbagai cara bekerja".<sup>3</sup> Sesuatu metod dipilih mengikut kesesuaiannya dengan subjek yang dikaji.

Dalam penulisan kertas projek ini, penulis telah menggunakan beberapa metod. Metod-metod itu terbahagi kepada dua bahagian iaitu :

1. Metod pengumpulan data.
2. Metod analisa data.

---

<sup>1</sup>Prof. Imam Barnadib, Art Dan Metode Sejarah Penelitian, Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, Yogyakarta, 1982, hal. 51.

<sup>2</sup>Koentjaraningrat (ed.), Metode-Metode Penelitian Masyarakat, PT Gramedia, Jakarta, cet. ketujuh, 1986, hal. 7.

<sup>3</sup>Ibid. Hal: 8

Dalam bab I ( pendahuluan ), penulis telah menyebutkan secara ringkas tentang metod-metod ini , tetapi untuk lebih jelas berikut ini akan diuraikan dengan lebih lanjut metod-metod tersebut dan penggunaannya dalam penulisan ini.

## 1.2 METOD PENGUMPULAN DATA

Dalam bahagian ini penulis akan memperkatakan tentang cara yang telah digunakan oleh penulis dalam usaha mendapatkan segala maklumat yang diperlukan untuk menyediakan kajian ilmiah ini . Cara atau metod yang digunakan itu ialah:

- a. Metod Historis
- b. Metod Dokumentasi
- c. Metod Observasi

Berikut ini akan dijelaskan satu persatu maksud metod-metod itu dan penggunaannya dalam kajian ini.

### 1.2.1 Metod Historis

Metod historis bererti " suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai kejadian-

kejadian".<sup>4</sup> Metod ini digunakan adalah untuk mendapatkan gambaran masa lampau yang mempunyai nilai sejarah.

Menurut Ibnu Khaldun yang dikatakan sejarah ialah :

"..... Tjataan-tjataan masyarakat umat manusia atau peradaban dunia; tentang perubahan yang terjadi pada suatu masyarakat itu seperti keliaran, keramahan-keramahan dan solidaritet golongan; tentang revolusi-revolusi dan pemberontakan oleh segolongan rakyat melawan golongan yang lain dengan akibat timbulnya kejadian-kejadian dan negara-negara dengan tingkat yang bermacam-macam; tentang matjam-matjam kedudukan orang....".<sup>5</sup>

Metod ini penulis gunakan untuk mendapatkan latarbelakang Malaysia serta latarbelakang ekonomi Malaysia dalam bab pertama dan sejarah kemiskinan secara umum dalam bab kedua.

### 1.2.2 Metod Dokumentasi

Metod dokumentasi ialah cara pengumpulan data dengan meneliti secara mendalam terhadap dokumen-dokumen yang

---

<sup>4</sup>Prof. Imam Barnadio, *Op. Cit.* hal: 52.

<sup>5</sup>Charles Issawi, *An Arab Philosophy of History. Dari Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Filsafah Islam Tentang Sejarah, Terjemahan Dr. A. Mukti Ali, Tintamas, Jakarta, 1962, hal:

berkaitan dengan masalah yang diteliti. Dokumen ialah benda bertulis yang dapat memberi bermacam keterangan, seperti gambar, potret, kumpulan hukum, peraturan-peraturan, keputusan pengadilan dan sebagainya".<sup>6</sup>

Dalam kajian ini, penulis terlebih dahulu meneliti dokumen yang relevan dan mengambil dokumen yang dianggap tepat dan sesuai dengan masalah yang dikaji, selepas itu dibuat beberapa kesimpulan.

Penggunaan metod ini penulis lakukan untuk :

1. Latar belakang dan pengertian tajuk dalam bab I (pendahuluan).
2. Mengemukakan tajuk asas falsafah ekonomi Islam, konsep dan pengukuran kemiskinan menurut pandangan Islam, sejarah kemiskinan secara umum dan konsep kemiskinan di Malaysia. Kesemua ini terdapat dalam bab II (Landasan Teori).
3. Metod ini juga banyak sekali digunakan dalam bab IV

---

<sup>6</sup>Prof. Imam Barnadib, Op. Cit., hal: 55.

ialtu dibawah tajuk masalah kemiskinan dan penyelesaiannya menurut Al-Quran. Dalam bab ini penulis telah memetik ayat-ayat Al-Quran dan Hadith sebagai panduan dalam menyelesaikan kedua-dua masalah tersebut. Metod ini juga digunakan juga semasa penulis mengemukakan data-data tentang kemiskinan.

Dokumen-dokumen yang penulis gunakan antaranya ialah:

1. Al-Quranul Karim dan Hadith Rasulullah s.a.w., keduanya dianggap sebagai dokumen kerana sifatnya sebagai sumber yang tertulis dan terjamin keasliannya.<sup>7</sup>
2. Bahan-bahan tertulis yang diterbitkan oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.
3. Rancangan Malaysia pertama hingga kelima.
4. Buku-buku, majalah-majalah, akhbar dan lain-lain bahan tertulis yang relevan.

---

<sup>7</sup> Dr. Abdul Halim bin Haji Mat Diah, Silsafah Pendidikan Islam di Institut Pengajian Tinggi Islam Di Malaysia, Disertasi Doktor, IAIN SunanKalijaga, Yogyakarta, 1982, hal. 116. 129.

### 1.2.3 Metod Observasi

Selain metod historis dan dokumentasi, penulis juga menggunakan metod observasi.

Metod observasi ialah cara pengumpulan data dengan melihat sendiri secara langsung terhadap objek yang diteliti. Pengalaman peneliti didalam masalah berhubung dengan objek-objek penelitian termasuk dalam metod observasi.

Penggunaan pancaindera mata dalam metod ini ternyata berkesan kerana pandangan mata kadang-kadang terarah pada perkara yang tidak sengaja menjadi perhatian sehingga apa yang sebelumnya terlihat tidak dirancang untuk diketahui, menjadi diketahui juga.<sup>8</sup> Cara ini dapat meyakinkan si peneliti dalam penelitiannya, tentang tepatnya kenyataan yang diperolehinya. Dengan menggunakan metod ini, kajian ilmiah ini dapat dilaksanakan tanpa memerlukan banyak biaya dan tenaga ahli.<sup>9</sup>

Penulis menggunakan metod ini pada meneliti

---

<sup>8</sup> Ibid., hal. 109.

<sup>9</sup> Ibid. m hal. 108 .

sebab-sebab berlakunya kemiskinan dalam bab IV. Disamping pengamatan dan penelitian, penulis juga menggunakan pengalaman-pengalaman penulis sendiri yang hidup dalam masyarakat miskin dan bergaul rapat dengan mereka. Ini membantu penulis memahami keadaan sebenar serta mengapa berlakunya keadaan ini.

Penulis juga banyak menggunakan metod ini terutama sekali dalam bab IV dan bab V. Metod ini sebagai melengkapi pengumpulan data selain dari metod-metod yang disebutkan sebelum ini.

### **1.3 METOD ANALISA DATA**

Setelah mendapat segala data yang dan fakta yang diperlukan, penulis telah memproses dan menganalisa maklumat-maklumat yang ada untuk kajian ini dengan menggunakan metod-metod seperti berikut :

- a. Metod Induktif
- b. Metod Deduktif
- c. Metod Komparatif

#### **1.3.1 Metod Induktif**



Metod induktif ialah " pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum".<sup>10</sup> Dengan perkataan lain membuat kenyataan dari yang khusus kepada umum.

Penggunaan metod ini banyak terdapat dalam kajian ini. Sebagai contoh dalam bab IV (laporan penyelidikan dan analisa data) penulis telah menerangkan kadar-kadar kemiskinan di Malaysia dan selepas itu penulis membuat kesimpulan dari keseluruhannya. Begitu juga dalam bab II penulis telah megemukakan pandangan-pandangan Fuqaha' tentang konsep dan pengukuran kemiskinan menurut Islam serta sebab-sebab kemiskinan di Malaysia. Kemudian penulis telah membuat kesimpulan pada bab IV dan bab V.

Secara umum dapat dikatakan bahawa metod induktif ini banyak digunakan dalam semua kajian ilmiah.

### 1.3.2 Metod Deduktif

Metod deduktif ialah " pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil umum terhadap hal-hal

---

<sup>10</sup>Prof. Imam Barnadib, Op. Cit. hal: 53.

khusus".<sup>11</sup> Dengan kata lain boleh juga dikatakan, membuat kesimpulan dari yang bersifat umum kepada kesimpulan yang bersifat khusus.

Penggunaan metod ini banyak digunakan dalam kajian ini umpamanya dalam bab I (pendahuluan) penulis telah menyatakan bahawa kemiskinan merupakan masalah yang serius dalam ekonomi Malaysia sekarang, selepas itu dalam bab IV penulis mengemukakan sebab-sebab serta bukti-bukti yang menjadi alasan kenyataan itu, ini terdapat dibawah tajuk keadaan kemiskinan di Malaysia.

### 1.3.3 Metod Komparatif

Selain metod-metod diatas, penulis juga menggunakan metod komparatif dalam menganalisa data dan fakta.

Metod komparatif adalah bererti "cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan-perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa penelitian yang dilakukan".<sup>12</sup> dimana segala data dan

---

<sup>11</sup> Ibid., hal: 54.

<sup>12</sup> Dr. Abd. Halim bin Mat Diah, Op. Cit., hal: 13.

fakta yang diperolehi dikumpulkan lalu dibuat perbandingan-perbandingan yang sama rata. Dari perbandingan-perbandingan tersebut akhirnya dibuat kesimpulan.

Penggunaan metod ini terdapat dalam bab I (pendahuluan) di bawah pengertian tajuk. Penulis telah mengumpul segala definasi tentang tajuk kertas projek ini kemudian penulis telah membuat rumusan dan kesimpulan tentang tajuk tersebut. Penggunaan metod ini juga dilakukan dalam bab II (landasan teori) yang mana penulis telah mengumpul pendapat-pendapat serta pandangan-pandangan ahli Fiqah tentang konsep dan ukuran kemiskinan menurut Islam serta pandangan-pandangan ahli-ahli ekonomi tentang punca-punca berlakunya kemiskinan serta bagaimana cara Al-Quran menyelesaikan masalah kemiskinan, kemudian dibuat perbandingan-perbandingan kesemua pendapat tersebut, selepas itu ditarik kesimpulan.

Penggunaan metod ini juga banyak digunakan dalam bab IV iaitu bab laporan penyelidikan dan analisa data, dimana penulis telah membanding data-data tentang kemiskinan di Malaysia, kemudian membuat kesimpulan dibawah tajuk penyelesaiannya menurut Al-Quran.

Pada umumnya, penggunaan segala metod yang telah

disebutkan diatas adalah untuk saling lengkap melengkapi di antara satu sama lain, dalam menyediakan kajian ilmiah ini.

---